

07/03/1998

Polis mahu pemandu rasa gerun

Abdul Karim Mustafa; Junita Mat Rasid; Johnny Giles Senin
KUALA LUMPUR, Jumaat - Pindaan undang-undang meliputi hukuman denda dan penjara mandatori dicadangkan ke atas pesalah lalu lintas dalam usaha mengurangkan kadar kecelakaan dan kematian di jalan raya.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Rahim Noor, berkata syor itu dikemukakan dalam taklimat yang dihadiri Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jabatan Perdana Menteri, petang ini.

"Hukuman lebih berat itu penting bagi mewujudkan kegerunan di kalangan pengguna jalan raya seterusnya menjadi pengajaran kepada pesalah termasuk yang memandu secara berbahaya untuk tidak mengulanginya," katanya.

Menurutnya, cadangan hukuman lebih berat itu juga akan membabitkan tambahan hukuman ke atas pemandu kenderaan awam termasuk bas dan lori.

"Polis menaruh sepenuh harapan dan bertekad, jika langkah yang dicadangkan berjalan lancar misalnya dalam lima tahun, mungkin kita dapat mengurangkan kadar peningkatan kecelakaan dan kematian yang membimbangkan sekarang ini," katanya ketika ditemui selepas taklimat itu.

Hadir sama ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali; Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Norian Mai dan Ketua Trafik Persekutuan, Datuk Supian Amat.

Rahim berkata, perbincangan hari ini adalah permulaan bagi menggubal langkah lebih berkesan oleh polis serta agensi penguat kuasa lain dalam usaha memperbetulkan keadaan membabitkan usaha membendung kecelakaan jalan raya di negara ini.

Katanya, Dr Mahathir menyambut baik saranan yang dikemukakan polis dan mahu semua syor itu dihalusi dengan lebih lanjut.

Ditanya sama ada hukuman lebih berat yang dicadangkan hanya menggunakan peruntukan undang-undang sedia ada, beliau berkata, hukuman sedia ada perlu dipertingkatkan dan ditambah, iaitu membabitkan pindaan beberapa aspek.

"Cadangan memasukkan hukuman baru dan penambahan itu akan dihalusi dan dibincangkan dengan Jabatan Peguam Negara sebelum diserahkan kepada Kabinet," katanya.

Perbincangan dan cadangan pindaan itu adalah rentetan daripada komen Perdana Menteri yang kecewa berhubung peningkatan kadar kematian akibat kecelakaan jalan raya pada di musim perayaan berkembar Aidilfitri dan Tahun Baru Cina baru-baru ini.

Seramai 260 pengguna jalan raya dilaporkan terbunuh sepanjang 14 hari Ops Statik sempena perayaan berkembar itu dijalankan.

Jumlah itu meningkat sebanyak 5.6 peratus berbanding tempoh yang sama perayaan berkembar 1997.

(END)